

Pesuruhjaya Polis Sabah beri amanat kepada pelatih Kor Suksis

UB 28.4.16 A12

SERAMAI 190 pelatih Kor Suksis UMS menghadiri Majlis Perjumpaan dan Amanat Pesuruhjaya Polis Sabah di Dewan Bankuasi, Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini.

Perjumpaan itu dihadiri sendiri oleh Pesuruhjaya Polis Sabah Dato Abdul Rashid Harun.

Program ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof. Madya Dr Ismail Ali merangkap Komandan Kor Suksis UMS. Beliau juga mewakili Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Sesi amanat yang julung kalinya diadakan kepada Kor Suksis UMS dan UiTM ini sangat bermanfaat dalam memberi ilmu kepada semua bakal pemimpin dan peneraju negara pada masa akan datang.

Abdul Rashid dalam ucapannya berharap pelatih-pelatih Kor Suksis dapat membantu menjayakan misi dan visi PDRM serta terus membina kecekalan, kegigihan, komitmen disiplin dan



ISMAIL (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Abdul Rashid.


jati diri yang luhur untuk kecemerlangan agama, nusa dan bangsa.

Harun mengucapkan terima kasih kepada Abdul Rashid dan pelatih-pelatih kerana hadir ke majlis itu serta sudi memilih Kor Suksis sebagai aktiviti kokurikulum sepanjang berada di UMS.

Ismail pula berharap pelatih-pelatih juga boleh bertindak sebagai agen atau pembimbing di dalam menyelesaikan

permasalahan serta memberi khidmat nasihat kepada rakan-rakan seperjuangan.

Turut serta dalam program ini adalah Timbalan JPJKK IPK Sabah (Operasi) ACP Mohd Ismon Hj. Suratman, Timbalan JPJKK (Perancangan Strategik) ACP Shukri Yacob, Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu ACP Chandrasekaran A/L Muthu, dan Ketua Polis Daerah Tuaran DSP Abdul Fuad Abdul Malek.



ANGGOTA Kor Suksis UMS bergambar ketika program Majlis Perjumpaan dan Amanat Pesuruhjaya Polis Sabah di UMS.